

Produk inovasi memudahkan kehidupan

Benarkah kekurangan dana geran dikatakan antara punca produk inovasi berkurangan?

Budaya inovasi telah dipupuk sejak sekolah rendah sehingga peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk memberi manfaat kepada masyarakat apabila menggunakan produk inovasi.

Bagi Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jaringan Industri), Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Ir Dr Mohd Farriz Basar berkata, inovasi itu kadang-kala memberi peluang kepada dirinya untuk melahirkan produk baru atau menambahbaik bagi memudahkan urusan kerja sesuatu perkara dengan cara yang baharu.

"Semua orang boleh membuat reka cipta dan berinovasi, yang penting produk yang dihasilkan itu memberikan manfaat dan menyelesaikan masalah.

"Inovasi juga tidak terhad kepada mencipta produk baru sahaja, ia juga termasuklah menambahbaik teknologi, sistem kerja, perkhidmatan, proses, kaedah dan sebagainya.

Ada persepsi perlu diubah

Terdapat persepsi bahawa inovasi ini hanya boleh dilakukan oleh golongan profesional sahaja berkos tinggi.

"Ini perlu diubah supaya masyarakat sedar bahawa reka cipta dan inovasi ini boleh dihasilkan oleh semua golongan masyarakat tidak kira peringkat umur, jawatan serta latar belakang dan sesuatu inovasi itu tidak semestinya mahal," katanya.

Jelasnya, sebagai contoh, geran Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN), yang mana projek yang dijalankan hendaklah berasaskan permasalahan teknologi atau teknikal dihadapi syarikat terhadap produk atau perkhidmatan yang dikomersilkan dan skopnya meliputi inovasi produk dan inovasi proses.

"Geran penyelidikan ini fokus kepada kerjasama pensyarah universiti dan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) agar dapat dimanfaatkan bagi menghasilkan produk berkualiti serta meningkatkan daya saing syarikat masing-masing.

"Ini merupakan satu model kerjasama strategik antara pemain industri dengan pihak akademik," katanya.

Dana berkurang bukan halangan

Dr Mohd Farriz berkata, walaupun ada pengurangan pada geran penyelidikan namun usaha membangunkan produk inovasi tidak terjejas dan masih tetap diteruskan.

Katanya, pihaknya juga



ANTARA produk inovasi yang dicipta oleh pensyarah UPM.



DR MOHD FARRIZ

mengoptimalkan penggunaan peralatan penyelidikan yang sudah ada di makmal-makmal sepenuhnya.

"Saranan kepada pensyarah di universiti adalah untuk menggiatkan usaha untuk memohon geran padanan industri yang mana seperti ini merupakan projek penyelidikan usaha sama di antara universiti dan rakan industri yang membiayai kos projek sama rata dalam tempoh tertentu.

"Dana ini juga diberikan kepada penyelidik untuk menjalankan projek penyelidikan berskala kecil dalam masa singkat dengan sokongan pihak industri dan ia memberi peluang penyelidik mendekati industri melalui kaedah penyelidikan," katanya.

Kekurangan dana antara punca

Sementara itu, Pegawai Penyelidik Bahagian Promosi dan Pemasaran Inovasi Putra Science Park (PSP), Universiti Putra Malaysia (UPM), Asrizam Esam berkata, kekurangan dana menyebabkan banyak projek inovasi yang dicipta terpaksa diletakkan.

Menurutnya, pihaknya juga dimaklumkan geran dalaman mula berkurangan sejak lima tahun kebelakangan ini.

Katanya, untuk membangunkan

produk inovasi, mereka banyak mendapatkan geran daripada agensi luar seperti Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) dan lain-lain lagi.

Jelasnya, ia juga menyebabkan persaingan semakin tinggi untuk mendapatkan geran termasuk penilaian meluluskan geran semakin ketat.

Katanya, IPT termasuk pensyarah juga kini perlu menambah tugas kerja bagi membantu menjana pendapatan universiti seperti mengadakan lebih konsultasi kepada pihak luar, menganjurkan lebih banyak latihan atau seminar dan lain-lain aktiviti penajaan yang berkaitan.

Menurutnya, dari segi kualiti penyelidikan masih lagi dapat dikekalkan pada tahapnya tapi yang akan berkurang sudah pasti dari segi kuantiti inovasi yang dihasilkan.

"Penyelidik terpaksa bersusah-payah terutamanya di universiti berstatus RU seperti UPM sebab KPI penyelidik lebih tinggi dari segi menghasilkan penerbitan, menjalankan penyelidikan dan sebagainya.

"Bila geran semakin susah diperoleh, memang memberi tekanan kepada penyelidik secara keseluruhannya sedangkan KPI mereka semakin tinggi," katanya.

Geran bertambah, makin banyak inovasi dihasilkan

Asrizam yang bertugas di bawah Timbalan Pengarah, Bahagian Promosi dan Pemasaran Inovasi Putra Science Park (PSP), UPM, Dr. Mohamad Fakri Zaky Ja'afar berkata, peluang untuk menghasilkan inovasi yang dapat dijadikan produk yang dikomersilkan tu, akan jadi lebih tinggi jika angka dana geran dinaikkan.

Katanya, walaupun begitu tidak semua juga penyelidikan yang boleh dijadikan inovasi yang boleh dikomersilkan tetapi hasil penyelidikan ini akan dijadikan jurnal atau buku yang boleh menambah ilmu pengetahuan baharu kepada ilmuan di seluruh dunia.



ASRIZAM